

# Tatakelakuan DB untuk Rakan Niaga

## **Tujuan Tatakelakuan DB untuk Rakan Niaga**

Dalam Tatakelakuan DB untuk Rakan Niaga, Deutsche Bahn Group (DB Group) telah mentakrifkan keperluan dan prinsip untuk urusan perniagaannya dengan rakan niaga, khususnya perkara yang berkaitan untuk mematuhi piawaian beretika, undang-undang yang boleh diguna pakai dan juga integriti. Rakan niaga adalah merupakan syarikat yang bukan terdiri dari DB Group, yang membekalkan barang dan perkhidmatan kepada DB Group. Antaranya, mereka ini terdiri daripada pembekal, konsultan, ejen, pembekal barang dan perkhidmatan lain, dan yang berkaitan. DB Group berharap rakan niaga untuk melaksanakan prinsip yang ditetapkan dalam Tatakelakuan DB untuk Rakan Niaga melalui organisasi mereka seluruh dunia dan juga mematuohnya.

## **01**

### **Prinsip Am**

DB Group berdedikasi untuk kemampunan dan telah berazam untuk mematuhi Sepuluh Prinsip Piawaian Global PBB yang dikeluarkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kejayaan komersial dan tindakan bertanggungjawab secara sosial tidak bercanggah antara satu sama lain - ia sebenarnya, saling bergantungan. Kami melihat kemampunan dan kebertanggungjawaban sebagai asas yang penting dalam urusan perniagaan dengan rakan niaga kami.

Oleh itu, kami mengharapkan rakan niaga kami

- untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka dengan integriti, iaitu khususnya untuk mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan mereka, sebagai contoh, hak asasi manusia, termasuk piawaian buruh teras Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan undang-undang mengenai anti rasuah, privasi data, persaingan, kartel dan alam sekitar, dan
- untuk bekerja bagi memastikan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Tatakelakuan untuk Rakan Niaga ini juga dipatuhi oleh rakan niaga mereka sendiri dan mengamalkan ini dengan sewajarnya, dan
- untuk bertindak secara jujur, bertanggungjawab dan adil.

**02****Tanggungjawab Sosial Korporat Rakan Niaga kami**

Kami yakin bahawa tanggungjawab sosial merupakan faktor utama bagi kejayaan jangka panjang syarikat kami dan ia adalah elemen yang sangat penting dalam pengurusan korporat kami yang dipacu dengan nilai. Oleh itu, kami mengharapkan rakan niaga kami menyesuaikan amalan mereka sejajar dengan prinsip berikut:

<b>Hak manusia</b>	Rakan niaga kami menghormati hak asasi manusia yang biasa diterima pakai.
<b>Buruh kanak-kanak</b>	Rakan niaga kami menolak buruh kanak-kanak secara mutlak dan mematuhi peruntukan berkaitan dengan larangan buruh kanak-kanak (Konvensyen ILO 138 dan 182).
<b>Buruh paksa</b>	Rakan niaga kami dilarang daripada menggunakan atau bertoleransi, dalam apa jua bentuk, bagi pekerja hamba, uruh paksa atau kontrak paksaan, perhambaan, pemerdagangan manusia atau buruh bukan sukarela. Mereka memastikan bahawa pekerja tidak diperlakukan dengan cara perlakuan yang tidak berperikemanusiaan atau penghinaan, hukuman dsb. (Konvensyen ILO 29 dan 105).
<b>Kesamaan / kepelbagaian peluang</b>	Rakan niaga kami mengamalkan kepelbagaian dalam syarikat mereka dan tidak bertolak ansur dengan diskriminasi dalam pengambilan pekerja atau pekerjaan atau kakitangan (Konvensyen ILO 100 dan 111).
<b>Kebebasan berpersatuan / Hak untuk tawar-menawar kolektif</b>	Rakan niaga DB Group menghormati kebebasan berpersatuan dan pembentukan kumpulan berkepentingan dan mempertahankan hak pekerja mereka dalam segmen perniagaan mereka. Mereka juga menghormati hak pekerja untuk memilih wakil mereka secara bebas dan berbincang secara kolektif (Konvensyen ILO 87 dan 98).
<b>Kesihatan dan keselamatan pekerjaan</b>	Keselamatan manusia adalah perkara paling utama dan nilai utama bagi rakan niaga kami. Rakan niaga kami menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan selamat, latihan keselamatan yang berkaitan serta memastikan keselamatan produk dan perkhidmatan mereka. Sebagai tambahan, mereka mengurangkan atau menghapuskan, sebarang punca yang boleh membahayakan di tempat kerja mengikut kesesuaian dan melukukannya berdasarkan tahap pengetahuan am berkaitan keselamatan dan kesihatan dalam sektor industri yang berkaitan.
<b>Perlindungan persekitaran</b>	Rakan niaga kami mematuhi piawaian standard yang diguna pakai untuk mereka dan mengikuti prinsip perniagaan mampan dan perlindungan persekitaran sebagai penunjuk aras nilai korporat. Mereka mengambil langkah berkesan yang mencerminkan tanggungjawab mereka terhadap persekitaran.
<b>Bayaran</b>	Rakan niaga kami memberi ganjaran kepada kakitangan mereka dengan sewajarnya mengikut undang-undang dan piawaian industri.
<b>Masa bekerja</b>	Rakan niaga kami mematuhi undang-undang yang berkenaan dan piawaian industri.
<b>Hubungan pengambilan kerja biasa</b>	Sebaik-baiknya, pekerjaan mestilah dilakukan berdasarkan kontrak pekerjaan biasa seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang negara dan piawaian industri.
<b>Perlindungan Data</b>	Rakan niaga kami mematuhi semua undang-undang berkenaan bagi perlindungan data peribadi, khususnya pekerja, rakan niaga dan pelanggan.

**03****Anti-Rasuah**

DB Group tidak bertoleransi dengan sebarang bentuk rasuah dan amalan perniagaan lain yang tidak adil. Ketelusan dan keterbukaan adalah syarat utama untuk DB Group bagi memastikan kepercayaan dan kredibiliti dalam perniagaan dan semua urusan kami dengan rakan niaga.

<b>Rasuah</b>	Rakan niaga kami tidak bertoleransi dengan sebarang rasuah atau jenayah komersial oleh pekerja mereka sendiri atau pekerja dalam rantaian bekalan dll.
<b>Konsultan / Ejen / Broker</b>	Sebarang imbuhan yang dibayar kepada perunding, ejen, broker dan/atau pengantara lain tidak boleh diberikan kepada rakan niaga, pelanggan dan pihak ketiga yang lain dengan cara yang tidak adil. Rakan niaga kami memilih perunding, ejen, broker dan pengantara lain dengan tekun dan berdasarkan kriteria pemilihan yang sesuai.
<b>Mengelakkan Konflik Kepentingan</b>	Rakan niaga kami mengelakkan konflik kepentingan yang mungkin membawa kepada gejala rasuah.
<b>Jemputan dan Hadiah</b>	Di dalam segala aktiviti perniagaan yang mereka berikan kepada DB Group, rakan niaga kami hanya akan menerima undangan atau memberikan undangan hanya jika ianya bersesuaian, tidak mengharapkan apa-apa faedah yang tidak sepatutnya sebagai balasan atau apa-apa layanan keutamaan lain dan tidak melanggar undang-undang yang terpakai (khususnya undang-undang anti-rasuah). Begitu juga dengan penerimaan atau pemberian apa-apa hadiah atau penerimaan atau sebarang bentuk habuan lain.
<b>Kelakuan terhadap Pegawai Awam</b>	Rakan niaga kami tidak bertolak ansur dengan apa-apa bentuk faedah nyata dan tidak nyata yang menyalahi undang-undang (termasuk tawaran mereka) kepada pegawai awam atau orang yang setaraf dengannya (tanpa mengira sama ada ianya dibuat secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga).
<b>Parti Politik</b>	Rakan niaga kami tidak akan bertoleransi dengan apa saja jenis manfaat yang nyata dan tidak nyata yang menyalahi undang-undang untuk parti politik, melalui wakil mereka atau kepada penjawat awam atau calon pejabat politik.
<b>Sumbangan / Penajaan</b>	Derma hanya dibuat secara sukarela oleh rakan niaga kami dan tidak mengharapkan apa-apa imbuhan sebagai pulangan. Penajaan kepada individu, kumpulan atau organisasi tidak akan digunakan untuk mendapatkan peluang perniagaan yang menyalahi undang-undang.
<b>Pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan</b>	Rakan niaga kami mengambil langkah-langkah yang sesuai dalam syarikat mereka untuk mencegah penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di syarikat berkaitan.

**04****Tatakelakuan Rakan Niaga dalam Persaingan**

DB Group berusaha untuk sentiasa bertindak sebagai pemain pasaran yang adil dan bertanggungjawab serta mengharapkan perkara yang sama dari rakan niaganya.

<b>Undang-undang Persaingan dan Kartel</b>	Rakan niaga kami mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dengan persaingan. Terutama sekali, mereka tidak membuat perjanjian dan pengaturan yang mempengaruhi harga, syarat, strategi atau hubungan pelanggan, terutamanya mengenai penyertaan dalam prosedur tender. Pertukaran maklumat sensitif yang kompetitif atau untuk apa-apa bentuk kelakuan lain yang menyekat secara tidak sah atau boleh menyekat persaingan juga adalah tertakluk kepada undang-undang yang sama.
--	--

**Kawalan eksport dan import**

Rakan niaga kami memastikan pematuhan dengan semua undang-undang yang berkesan tentang import dan eksport barang, perkhidmatan dan maklumat serta embargo dan sekatan yang berkaitan terutamanya yang bersangkutan dengan aktiviti perniagaan global.

**05****Pematuhan**

Rakan niaga kami hendaklah memastikan bahawa prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Tatakelakuan DB untuk Rakan Niaga ini dipatuhi.

**Laporan kepada DB Group**

Rakan niaga kami menggunakan peluang untuk membuat laporan mengenai jenayah yang berlaku semasa menjalankan aktiviti perniagaan mereka untuk DB Group dan yang mungkin memberi kesan kepada DB Group melalui sistem pelaporan DB Group yang sedia ada<sup>1</sup>.

**Perlindungan Individu yang Melaporkan Rantaian Bekalan**

Rakan niaga kami tidak bertoleransi dengan sebarang tentangan terhadap orang yang melaporkan pelanggaran prinsip yang ditetapkan oleh Tatakelakuan DB untuk Rakan Niaga.

Rakan niaga kami memilih pembekal mereka, yang mempunyai hubungan dengan mereka didalam aktiviti perniagaan mereka dengan DB Group, dengan tekun, berkomunikasi untuk menyampaikan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Tatakelakuan DB untuk Rakan Niaga DB atau prinsip yang setara kepada mereka dan menerapkan pematuhan prinsip ini kepada pembekal mereka.

**Akibat**

DB Group menekankan urusan perniagaan kerjasama dengan rakan niaganya. Bagi **pelanggaran kecil** Tatakelakuan DB untuk Rakan Niaga ini, rakan niaga umumnya diberikan peluang untuk melaksanakan tindakan pembetulan yang sesuai dalam tempoh yang munasabah, sekiranya rakan niaga bersedia untuk memperbetulkan pelanggaran dan memperbaikinya. Bagi **pelanggaran serius** (terutamanya dalam kes yang melibatkan jenayah), DB Group berhak untuk membuat sekatan yang bersesuaian terhadap rakan niaga berkenaan. Ini termasuk juga penamatkan hubungan perniagaan serta membuat tuntutan ganti rugi dan hak yang lain.

**Di mana untuk mencari maklumat lanjut**

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.deutschebahn.com/en/group/compliance](http://www.deutschebahn.com/en/group/compliance). Sekiranya terdapat keraguan atau sebarang pertanyaan, sila hubungi orang yang berhubungan dengan anda di DB Group. Di samping itu, anda juga boleh untuk menghubungi Pematuhan DB Group secara terus.

**06****Tarikh Berkuat Kuasa**

Mengikut keputusan Lembaga Pengarah DB AG/DB ML AG pada 10 Julai 2012 yang dipinda dengan kertas keputusan bertarikh 3 Disember 2018.

Versi 2.0

Berkuat kuasa mulai: 01.05.2019

Diterbitkan oleh Deutsche Bahn AG

Koordinasi:

Lutz Cauers (CCO)

Telefon +49 30 297 61666

• <sup>1</sup> <https://www.deutschebahn.com/en/group/compliance/whistleblowing-1212468>

Versi 2.0

Berkuat kuasa mulai: 01.05.2019

Diterbitkan oleh Deutsche Bahn AG

Koordinasi:

Lutz Cauers (CCO)

Telefon +49 30 297 61666